

U 8037 DEB
PARLIMEN - OSA

KUALA LUMPUR, 9 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN TELAH MENGELUARKAN SATU PEKELILING KEPADA KAKITANGANNYA SUPAYA MEREKA BENAR-BENAR FAHAM TUJUAN DAN MAKSUD PINDAAN KEPADA AKTA RAHSIA RASMI (OSA) YANG DILULUSKAN PADA TAHUN LEPAS.

PERDANA MENTERI BERKATA PEKELILING ITU BERTUJUAN MEMBERI PENERANGAN LEBIH JELAS TENTANG TAFSIRAN SERTA TATA PERLAKSANAANNYA.

KETIKA MENJAWAB SOALAN DARIPADA HAJI ABDUL RAZAK HAJI ABDUL SAMAH (BN- LEMBAH PANTAI), BELIAU BERKATA SEJAK PINDAAN ITU DILULUSKAN, BELUM ADA LAPORAN KEBOCORAN RAHSIA DITERIMA. PINDAAN INI BERKUATKUASA SEJAK 1 JAN

KATANYA, MEMANDANGKAN PENGUATKUASAAN AKTA ITU BERMULA DUA BULAN LEPAS, ADALAH AGAK TERLALU AWAL UNTUK MENGUKUR KEBERKESANANNYA.

+WALAU BAGAIMANAPUN KERAJAAN TELAH MENGAMBIL DEBERAPA LANGKAH TERTENTU UNTUK MENJAMIN PERLAKSANAANNYA DIJALANKAN DENGAN KEMAS DAN TERATUR,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. - LAGI.

1555MST 09 03 87

U 8039 DEB
PARLIMEN-OSA 2 KUALA LUMPUR

BELIAU JUGA BERKATA TAKLIMAT DAN SESSI PENERANGAN TELAH DIADAKAN DARI SEMASA KE SEMASA SUPAYA KAKITANGAN YANG MENGENDALIKAN FAIL SULIT DAN RAHSIA BENAR-BENAR TAHU PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB MEREKA UNTUK MENGELAKKAN SEBARANG KEBOCORAN.

KETIKA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARIPADA DATUK HAJI MOHAMED ABU BAKAR RAUTIN IBRAHIM (BN-KUALA KEDAH), BELIAU MENEGASKAN BAHAWA DEMOKRASI DI MALAYSIA MASIH HIDUP WALAUPUN ADA PIHAK-PIHAK TERTENTU MENGHUJAH BAHAWA IA TELAH MATI DENGAN PENGUATKUASAAN PINDAAN AKTA ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA PIHAK-PIHAK BERKENAAN MENDAKWA DEMOKRASI TELAH MATI BERKALI-KALI DI NEGARA INI. +SEPATUTNYA KALAU SUDAH MATI, TAK AKAN HIDUP SEMULA, TAPI DI MALAYSIA DEMOKRASI HIDUP.+

KETIKA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARIPADA ENCIK LIM KIT SIANG (DAP-TANJUNG) DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK BERCADANG MENJAWAB SANGKAAN-SANGKAAN BURUK YANG DIGAMBARKAN OLEH KETUA PEMBANGKANG ITU DALAM SOALANNYA.

ENCIK LIM DALAM SOALANNYA MENDAKWA SEJAK OSA DIPINDA, KAKITANGAN KERAJAAN TELAH MENYALAHGUNAKAN AKTA ITU DENGAN ENGGAN MEMBERI SEBARANG MAKLUMAT WALAUPUN MAKLUMAT YANG DIMINTA BUKANNYA SULIT ATAU RAHSIA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ADALAH TIDAK BENAR SANGKAAN BURUK ANGGOTA PARLIMEN ITU DAN BAHAWA HANYA DAP TIDAK SEDAR AKAN PENJELASAN-PENJELASAN YANG SERING DIBUAT OLEH KERAJAAN BERHUBUNG DENGAN PINDAAN ITU. - BERNAMA.

1602MST 09 03 87